

# PM ulas urusan niaga komoditi Negara Barat masih kaut keuntungan

8 DEC 1985

"Mereka lebih berminat mengenai kos penghidupan negara mereka.

"Sama ada orang menggunakan barangan petroleum atau tidak, tidak ada berkaitan dengan mereka. Jika mereka boleh mencari gantian pada masa depan, mereka akan menggunakannya.

"Malah, Malaysia juga berminat dalam bahan gantian untuk petroleum. Itu sebab kita mempelbagaikan sumber tenaga kita. Ini menyebabkan kita membuat penyelidikan diesel kelapa sawit.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bila membincangkan mengenai kemungkinan permintaan meningkat, pengusaha minyak sentiasa berharap harga akan meningkatkan keuntungan.

"Saya fikir pemikiran itu adalah salah. Jika keuntungan ingin diperolehi ia perlu datang daripada peningkatan jumlah dan bukannya harga.

"Ketika harga minyak diumumkan meningkat kepada AS\$70, loji mengeluarkan minyak dari arang batu didirikan. Tetapi bila harga turun, loji itu ditinggalkan.

Beliau berkata sehingga

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, negara-negara Barat masih lagi menikmati keuntungan dalam urusan niaga komoditi dengan negara-negara pengeluar Dunia Ketiga seperti di zaman silam.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu masih tidak berubah sama seperti di masa lalu bila kebanyakan negara-negara Asean menukarkan rempah mereka dengan perhiasan murah yang dibawa oleh pedagang-pedagang dari negara Barat.

"Keadaan masih tidak berubah. Kita masih

mendapat perhiasan yang murah. Kejatuhan pasaran timah baru-baru ini sekali lagi menunjukkan betapa rapuhnya sistem pasaran komoditi kita.

"Sekarang, petroleum juga sedang mengalami proses yang sama," katanya ketika merasmikan Persidangan dan Pameran Ascope Ketiga di Pusat Perdagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan itu masih berlaku kerana negara-negara Dunia Ketiga tidak mahu menghadapi keadaan sebenar ekonomi dunia ketika ini. Menurutnya, ekonomi

dunia adalah lemah kerana tidak bergantung kepada dagangan tetapi kepada kedudukan harga komoditi dan mata wang.

"Kita tahu harga komoditi yang rendah memberi faedah kepada kebanyakan negara-negara pengguna yang kaya. Tetapi kita tidak mahu bertindak seolah-olah apa yang kita mahu ialah memotong harga saingan kita.

## Rendah

"Kita keluarkan dengan banyak seolah-olah kita akan memperolehi pendapatan yang lebih. Namun apa yang

berlaku ialah, lebih banyak kita jual, lebih kurang kita perolehi.

"Jika ini terus berlaku, sampai satu ketika nanti, kita tidak akan memperolehi semula kos pengeluaran," katanya.

Beliau berkata, walaupun perkara itu adalah logik dan benar tetapi negara-negara Dunia Ketiga masih mengikutinya. Pada kenyataannya bila dagangan komoditi diadakan, disiplin dan keuntungan jangka panjang adalah lebih penting daripada keuntungan jangka pendek.

Perdana Menteri berkata, banyak ramalan mengenai permintaan dan harga petroleum pada masa akan datang. Tetapi kerajaan dan rakyat tidak begitu memikirkan mengenai masa depan industri petroleum.